



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KONVOI BERBASIKAL 1WILAYAH PERSEKUTUAN MENDAPAT SAMBUTAN HANGAT WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN

PUTRAJAYA, 28 Februari 2016 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyempurnakan sesi pelepasan peserta Konvoi 1Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2016 di Dataran Putrajaya, Presint 3 disini. Program ini dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Persatuan Berbasikal Putrajaya.

2. Program ini bertujuan untuk memupuk semangat cintakan Wilayah Persekutuan disamping menggalakkan warga Wilayah Persekutuan mengamalkan gaya hidup sihat dan mengeratkan silaturrahim di antara penduduk Wilayah Persekutuan selain daripada mewujudkan satu suasana yang harmoni dan bersatu di kalangan penduduk di Wilayah Persekutuan sesuai dengan slogan SHWP 2016 iaitu "Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera". Program ini terbuka kepada semua warga Wilayah Persekutuan pelbagai peringkat dan penyertaan juga dibuka kepada warga di luar Wilayah Persekutuan secara percuma dengan 2 kategori laluan iaitu 10km dan 40km.

3. Pertandingan ini merupakan salah satu program dalam kalender SHWP 2016 yang mendapat sambutan menggalakkan dari warga Wilayah Persekutuan dan ini adalah selaras dengan objektif sambutan Hari Wilayah Persekutuan agar KWP dapat memberi keceriaan dan kesejahteraan kepada warganya. Konvoi Berbasikal 1Wilayah

Persekutuan ini adalah program kali ke 5 yang dianjurkan sejak mula diperkenalkan pada tahun 2012. Program ini dapat mengumpulkan seramai lebih 15,000 peserta melebihi sasaran hasil kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Persatuan Berbasikal Putrajaya, Biro Sukan UMNO Putrajaya dan media rasmi program ini iaitu Cycling Malaysia. Melalui kerjasama strategik ini dapat menjadikan Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan sebagai aktiviti sukan keluarga tidak hanya kepada golongan tertentu sahaja.

4. Di samping program Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan, diadakan juga Karnival Mini Sukan di kawasan sekitar iaitu kabbadi, bola keranjang, *street soccer* dan bola jaring. Peserta konvoi dan pengunjung juga boleh melawat pameran autoshow daripada Persatuan Autoshow Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) yang diadakan sehingga petang. Program ini juga akan direkodkan di dalam *Malaysia Book of Records* sebagai Acara Kayuhan Basikal Teramai.

5. Diharapkan pelaksanaan program seperti ini dapat memupuk semua lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan ke arah pembentukan suatu koloni masyarakat yang cergas, sihat fizikal dan cerdas mindanya di samping menyemai nilai dan sikap saling menghormati, bertoleransi dan bantu membantu di antara satu sama lain di negara kita khususnya di Wilayah Persekutuan. Program yang dianjurkan sempena SHWP 2016 ini dapat membentuk semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dan ke arah meningkatkan keceriaan dan kesejahteraan warga kota.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Putrajaya
28 Februari 2016